

Atasi banjir di Kelantan

Oleh **MOHAMAD FAIZAL HASHIM**
pengarang@utusan.com.my

■ **JOHOR BAHRU 6 JAN.**

RISIKO banjir yang sering melanda Kelantan dijangka berkurangan ekoran pelaksanaan dua projek tebatan oleh kerajaan melibatkan peruntukan sebanyak RM800 juta di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11).

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi ketika mengumumkan perkara berkenaan berkata, fasa pertama pelan jangka panjang yang dikendalikan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) itu dijangka dilaksanakan pada Jun ini di lembangan Sungai Golok yang menelan kos RM300 juta.

Beliau berkata, peruntukan se-

lebihnya melibatkan RM500 juta lagi disediakan bagi melaksanakan projek pengorekan muara sungai bagi mendalamkan Sungai Kelantan serta membina tambak di sungai tersebut.

"Pelaksanaan dua projek besar itu adalah sebagai usaha mengurangkan risiko banjir akibat limpahan air Sungai Kelantan dan kita menjangkakan projek itu dapat disiapkan dalam jangka masa lima tahun.

"Walaupun bagaimanapun, projek tambakan di Sungai Kelantan tidak akan menampakkan hasil yang nyata sekiranya pembalakan di kawasan sekitar masih berterusan sehingga membawa hakisan seperti batu-batan ke kawasan sungai," katanya selepas melawat sahabat lamanya, seorang bekas komando, Abu Bakar Md. Ahmad di kediamannya

di Taman Bukit Senang, Senai dekat sini hari ini.

Ahmad Zahid yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negara berkata, kerajaan juga mengesyorkan Agensi Pengurusan Bencana Negara (Nadma) supaya membuat penilaian kerosakan sosioekonomi fasa awal bagi rakyat yang terjejas banjir sejak akhir Disember 2016 hingga minggu pertama bulan ini.

Beliau berkata, penilaian tersebut sebagai langkah segera yang perlu diberi keutamaan bagi memastikan rakyat yang terjejas punca pendapatan sama ada dari segi aktiviti ekonomi dan pekerjaan dapat dipulihkan dengan bantuan sewajarnya.

Beliau turut berharap semua bantuan dan peruntukan yang disediakan Kerajaan Pusat untuk

menangani masalah banjir berkenaan dapat diterima baik oleh kerajaan negeri.

"Walaupun kita tahu Kelantan diperintah Pas, tapi demi rakyat kita mahu membantu tanpa mengira fahaman politik," katanya.

Mengulas mengenai isu kekurangan bekalan makanan terutamanya ikan sepanjang musim tengkujuh, Ahmad Zahid berkata, pihaknya sudah mengadakan perbincangan dengan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) bagi memastikan stok barangan itu mencukupi.

"Bekalan ikan masih lagi terkawal, namun dijangkakan ada kenaikan harga kerana mendapat permintaan tinggi. Oleh itu, kita akan memastikan penyelarasan harga dilakukan bagi memastikannya tidak membebankan pengguna," katanya.



AHMAD ZAHID HAMIDI memeluk sahabat lamanya, **Abu Bakar Md. Ahmad** yang merupakan bekas anggota komando ketika melawat sahabatnya itu di Taman Bukit Senang, Senai, Johor, semalam.

Projek Kerajaan Pusat di Kelantan 2015-2017

Pembesaran Lapangan Terbang
Sultan Ismail Petra

RM430 juta

Pembinaan tebatan banjir
di lembangan Sungai Kelantan

RM550 juta

Pembinaan bangunan gunasama
di Bandar Baharu Tunjong

RM530 juta

Projek Warisan Kampung Laut
di Tumpat

RM55 juta

Pembesaran jalan-jalan raya

RM55 juta

Projek Central Spine Road (CSR)
Kota Bharu-Kuala Krai Pakej 1B

dan Pakej 2A

RM350 juta

Projek pembangunan di DUN
Pengkalan Kubor

RM12.5 juta

Baik pulih infrastruktur rosak
akibat bah kuning

RM1.1 bilion




**Waktu
Solat**



MBSB

SUBUH SYURUK ZUHUR ASAR MAGHRIB ISYAK



KUALA LUMPUR